Tambahan 1% untuk Tenaga Bersih

Dengan meningkatkan bekalan TBB kita dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber tenaga berasaskan karbon sekaligus menyumbang kepada langkah-langkah untuk menangani isu perubahan iklim

Lebih daripada 90% bekalan elektrik di Malaysia dijana oleh bahan api fosil seperti arang batu, minyak dan gas asli. Sumber tenaga ini telah dikenalpasti sebagai penyumbang utama kepada perubahan iklimdihadapi dunia kini. Fenomena perubahan iklim ini telah menyebabkan berlakunya keadaan cuaca yang melampau seperti kemarau, banjir, puting beliung dan lain-lain. Perubahan iklim melampau ini memberikan kesan buruk terutamanya kepada Negara-negara yang amat terdedah kepada kesan negatif yang boleh menggugat kewujudan mereka sekaligus memberi kesan pada rakyatnya pada masa hadapan.

Kesan kumulatif perubahan iklim, diikuti dengan jumlah bahan api fosil yang kian berkurangan dan harganya yang semakin meningkat menyebabkan Kerajaan Malaysia membuat keputusan untuk mempergiatkan pembangunan bagi penjanaan tenaga elektrik daripada sumber boleh baharu(TBB) seperti solar, bio jisim, biogas dan hidro kecil. Sumber tenaga alternative ini disasarkan untuk meningkat kepada 5% dan 11% di dalam campuran bekalan tenaga Negara masing-masing pada tahun 2015 dan 2020. Dengan meningkatkan bekalan TBB kita dapat mengurangkan kebergantungan terhadap sumber tenaga berasaskan karbon sekaligus menyumbang kepada langkah-langkah untuk menangani isu perubahan iklim berkenaan.

"SEDA Malaysia telah ditubuhkan dengan tujuan untuk mentadbir dan melaksana mekanisme Tarif Galakan (FiT) untuk meningkatkan pembangunan industri dan teknologi TBB di Negara ini,"
menurut Pn. Badriyah Abd Malek, Ketua Pegawai Eksekutif SEDA Malaysia.

Bil A : Pengguna dengan bil lebih dari RM77 sebulan.

KETERANGAN	TARIKH	JUMLAH	KOD	TARIKH KEMASKINI
BIL AKHIR	01-02-2013	297.50	N	03-03-2013
BAYARAN AKHIR	11-02-2013	297.50		

CAJ	UNIT	KADAR	JUMLAH
KEGUNAAN ELEKTRIK	846	0.430	RM 363.78

KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU RM3.64

PELBAGAI	: RM 0.00				
PENALTI	:	JUMLAH BIL	: RM		367.42
TUNGGAKAN	: RM 0.00	PENGGENAPAN	: RM		0.02
CAGARAN TAMBAHAN	: RM 0.00	JUM. PERLU DIBAYAR	: RM		367.40

NO. JANGKA	DAHULU	KOD	SEMASA	KOD	KEGUNAAN	UNIT
185026	80140	N	80986	N	846	KWh

SUBSIDI BAHAN API OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN RM 171.21

TRKH BACAAN	DAHULU: 07-03-2013	SEMASA: 13-03-2013	BIL HARI: 32

NO. TEL ADUAN GANGGUAN BEKALAN : 15454
NO. TEL PERTANYAAN AM : 1300-88-5454 - Bil
ALAMAT EMEL CRO : tnbcareline@tnb.com.my
NO. TIANG :
LOT 1JLN 6C/13, BDR BARU BANGI

MRID: 10074885

Bil B : Pengguna dengan bil kurang dari RM77 sebulan.



KETERANGAN	TARIKH	JUMLAH	KOD	TARIKH KEMASKINI
BIL AKHIR	07-03-2013	363.78	N	03-04-2013
BAYARAN AKHIR	13-03-2013	363.78		

CAJ	UNIT	KADAR	JUMLAH
KEGUNAAN ELEKTRIK	846	0.34	RM 68.78
KUMPULAN WANG TENAGA BOLEH BAHARU			RM
JUMLAH BIL BULAN SEMASA			RM 68.78

PELBAGAI	: RM 0.00				
PENALTI	:	JUMLAH BIL	: RM		68.78
TUNGGAKAN	: RM 0.00	PENGGENAPAN	: RM		
CAGARAN TAMBAHAN	: RM 0.00	JUM. PERLU DIBAYAR	: RM		68.78

NO. JANGKA	DAHULU	KOD	SEMASA	KOD	KEGUNAAN	UNIT
185026	80140	N	80986	N	846	KWh

SUBSIDI BAHAN API OLEH KERAJAAN PERSEKUTUAN RM 171.21

TRKH BACAAN	DAHULU: 07-03-2013	SEMASA: 08-04-2013	BIL HARI: 32

NO. TEL ADUAN GANGGUAN BEKALAN : 15454
NO. TEL PERTANYAAN AM : 1300-88-5454 - Bil
ALAMAT EMEL CRO : tnbcareline@tnb.com.my
NO. TIANG :
LOT 1JLN 6C/13, BDR BARU BANGI

MRID: 10074885

Tambahan 1% hanya dikenakan untuk mereka yang banyak menggunakan elektrik (lebih daripada RM77 bil bulanan TNB)

** Perbandingan bil elektrik untuk dua isi rumah yang berbeza*

Tambahan beliau, mekanisme Tarif Galakan membolehkan Rakyat Malaysia menjana tenaga elektrik daripada sumber TBB dan menjual balik tenaga yang dijana tersebut kepada Pemegang Lesen Pengagihan (contohnya Tenaga Nasional Berhad) di dalam jangka masa tertentu seperti mengikut Perjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Baharu (REPPA). Contohnya untuk Solar Fotovolta (Photovoltaic-PV) , tempoh REPPA adalah 21 tahun. Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan mekanisme FiT, Akta TBB 2011 telah membolehkan pengwujudan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB). KWTBB adalah dana yang diwujudkan melalui caj tambahan yang dikenakan ke atas pengguna elektrik untuk membolehkan pemaju TBB menerima pembayaran tarif premium bagi tenaga yang dijana seperti yang telah dipersetujui. Walau bagaimanapun hanya pengguna elektrik yang menggunakan tenaga elektrik lebih daripada 300 kilowat jam (kWj) (bersamaan RM 77) sebulan akan menyumbang kepada KWTBB.

Selain daripada menggalakkan orang ramai untuk bersama-sama terlibat di dalam pembangunan TBB di Malaysia, pengenaan caj 1% ini adalah juga untuk memupuk amalan penggunaan tenaga dengan cekap dan berhemah kerana hanya mereka yang menggunakan elektrik secara berlebihan akan menyumbang lebih kepada KWTBB.

Pihak individu juga boleh turut menyumbang dan menjana tenaga elektrik bersih ke grid dengan menyertai Program Bumbung Rumah Solar yang dilancarkan oleh SEDA Malaysia pada September 2012. Maklumat untuk menyertai program ini boleh didapati di www.seda.gov.my. Setiap Negara sebagai ahli masyarakat global harus bersama-sama berusaha menangani isu perubahan iklim dan penggunaan sumber tenaga boleh baharu mestilah bermula dari sekarang untuk masa hadapan yang lebih baik.

Solar PV menjana tenaga elektrik bersih dan memberikan peluan individu untuk menjana pendapatan bulanan melalui mekanisme FiT.

Perkataan "Warta" di bawah subseksyen 24(1) Akta TBB 2011 adalah merujuk kepada Perintah Tenaga Boleh Baharu (Peruntukan Daripada Tarif Elektrik) 2011 (Perintah TBB) di mana perenggan 3(1) menyatakan bahawa TNB perlu memperuntukkan dan membayar ke dalam Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu setiap bulan dengan jumlah bersamaan dengan1% daripada tarif yang dikenakan dan dikumpulkan daripada pengguna TNB di Semenanjung Malaysia.

SEDA Malaysia merupakan agensi utama untuk perkara berkaitan tenaga leastari di Malaysia. Sila layari www.seda.gov.my atau hubungi 03-8870 5800